

Headline	RM6 bilion pelihara hutan negara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Mar 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	3,8	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	483 cm ²
Journalist	NURUL HUDA HUSAIN	AdValue	RM 10,240
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,720



Tak perlu RCI siasat dakwaan kartel cuba jatuhkan KPN

KERAJAAN menyifatkan tiada keperluan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dakwaan terdapat gerakan sulit untuk menjatuhkan Ketua Polis Negara. Sebaliknya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Takiyuddin Hassan berkata, perkara itu akan diselesaikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Polis (SPP).



8

Headline	RM6 bilion pelihara hutan negara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Mar 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	3,8	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	483 cm ²
Journalist	NURUL HUDA HUSAIN	AdValue	RM 10,240
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,720

RM6 bilion pelihara hutan negara

Kerajaan negeri perlu melipatgandakan usaha memulihkan kawasan hutan terosot

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR

Kerajaan memerlukan kira-kira RM6 bilion untuk mengekalkan kelestarian kawasan hutan di seluruh negara.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ini kerana kos bagi mengekalkan dan memelihara kawasan hutan di Malaysia adalah sangat besar.

“Sejak tahun 2016, seluas 1,859 hektar kawasan terosot telah dipulihkan dengan peruntukan sebanyak RM152.82 juta.

“Pada tahun ini pula, kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan sebanyak RM34.5 juta untuk kerja-kerja restorasi hutan terosot di seluruh negara.

“Saya menyeru kerajaan negeri melipatgandakan usaha untuk memulihkan kawasan hutan terosot melalui penyele-

saian berasaskan alam semula jadi terutamanya dalam Kawasan Sensitif Alam Sekitar,” katanya pada pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia sempena Hari Hutan Antarabangsa 2021 di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini pada Ahad.

Menurutnya, sehingga tahun 2018, negara mempunyai 55.3 peratus atau 18.27 juta hektar kawasan berhutan dan litupan pokok.

Katanya, daripada keseluruhan kawasan berhutan di Malaysia, hanya 1.7 peratus adalah kawasan hutan terosot.

“Kerajaan amat serius dalam pengu-rusan hutan secara bertanggungjawab dan berkekalan dalam melaksanakan program restorasi,” ujarnya.

Menurutnya, selari dengan usaha itu, pelbagai instrumen kewangan khusus telah diwujudkan oleh kerajaan.

Sementara itu, Muhyiddin juga mahu Dasar Perhutanan Malaysia menjadi rujukan bersama oleh semua kerajaan negeri.

“Langkah itu perlu bagi memastikan usaha untuk membangun dan mengurus hutan secara lebih kukuh dan lestari akan terlaksana.

“Saya ingin tekankan bahawa Dasar Perhutanan Malaysia ini adalah dasar kita bersama. Kita semua harus bertin-



Muhyiddin bersama Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah (kanan) menyiram pokok resak yang ditanam pada majlis pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia sempena Hari Hutan Antarabangsa 2021 di Taman Botani Kepong, FRIM, Kuala Lumpur pada Ahad.

dad dan memainkan peranan yang lebih aktif sebagai ejen konservasi dan penggerak pembangunan sosioekonomi negara,” katanya.

Muhyiddin juga menyambut baik komitmen kerajaan negeri dalam mening-

katkan litupan hutan di bawah rancangan struktur negeri masing-masing.

Jelasnya, kerjasama strategik kerajaan negeri dengan kerajaan Persekutuan dan pihak swasta penting dalam merealisasikan sasaran yang telah ditetapkan.